

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat : GRAND BALLROOM, HOTEL NIKKO, KUALA LUMPUR
Tarikh : 30-03-2006
Tajuk : TALKING POINTS MAJLIS PELANCARAN PORTAL
WWW.MYCAMPUS.EDU.MY

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato' Ong Tee Keat, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia;

Yang Berbahagia Datuk Khalid bin Mohd, Ketua Pengarang, Kumpulan Utusan Melayu;

Yang Berbahagia Dr. Mohd Fauzi bin Hj. Mohamad, Pengarah Urusan Kumpulan Infomaya, merangkap Pengarah Urusan Alliance Smart Card Technology (M) Sdn. Bhd;

Lembaga Pengarah Kumpulan Infomaya,

Wakil-Wakil IPTS dan IPTA.

1. Terlebih dahulu izinkan saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Alliance Smart Card Technology dan Kumpulan Infomaya yang sudi mengundang saya untuk merasmikan Pelancaran Sistem My-Campus On Line untuk IPTS.

2. Seperti yang kita sedia maklum, Kerajaan sentiasa memberi penekanan kepada pembangunan sumber manusia untuk terus mampu menyumbang kepada pembangunan Negara. Peningkatan kualiti pendidikan yang dimiliki tenaga kerja sangat penting untuk melahirkan pekerja yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi.

3. Oleh yang demikian, usaha perlu diteruskan untuk menyediakan peluang-peluang pendidikan formal kepada lebih ramai sumber tenaga kerja negara terutama kepada pelajar-pelajar lepasan sekolah untuk memperolehi pendidikan lanjutan yang lebih tinggi.

4. Sehingga kini, kerajaan telah banyak menyediakan peluang-peluang Pendidikan Tinggi. Di bawah Kementerian Pengajian Tinggi sahaja terdapat 18 Universiti dan Kolej Universiti Awam yang telah di-wujudkan, selain 20 buah Politeknik dan 34 Kolej Komuniti. Selain itu, Kementerian-Kementerian lain seperti Kementerian Sumber Manusia juga mempunyai 20 Institusi Latihan Perindustrian yang menyediakan kursus-kursus teknikal yang bersesuaian dengan keperluan industri. Tidak kurang juga terdapat Kementerian-Kementerian lain yang juga mempunyai rangkaian institusi latihan yang menyediakan berbagai kursus di peringkat pendidikan tinggi.

5. Dalam Rancangan Malaysia ke-9, kerajaan dijangka akan menambahkan lagi institusi-institusi pendidikan tinggi awam sebagai meneruskan lagi agenda pembangunan sumber manusia untuk melahirkan modal insan yang lebih banyak dan berkualiti.

6. Walau bagaimanapun, kapasiti sektor awam untuk memenuhi keperluan pendidikan untuk rakyat adalah terbatas dari beberapa aspek termasuk peruntukan kewangan yang terhad. Namun kita bersyukur kerana tampaknya sektor swasta tidak membiarkan kerajaan bersendirian dalam usaha untuk menyediakan peluang-peluang pendidikan. Peranan sektor swasta ini jelas ternyata dengan tertubuhnya 26 Universiti dan Kolej Universiti swasta di samping lebih 500 buah kolej-kolej swasta kecil yang umumnya disebut sebagai IPTS. Sumbangan sektor swasta dalam pendidikan tinggi tidak terbatas kepada kewujudan IPTS yang menyediakan berbagai kursus dan tempat-tempat untuk belajar sahaja. Di samping IPTS, saya diberi maklum, terdapat beberapa syarikat Konsultan yang memberi berbagai perkhidmatan pendidikan yang melengkapi perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan dalam sektor pendidikan.

7. Seperti mana yang kita ketahui, kerajaan telah menyediakan sistem UPU untuk membolehkan pelajar mendapatkan tempat-tempat belajar di IPTA. Dari masa ke semasa, sistem ini telah melalui proses penambahbaikan yang mana sehingga kini pelajar-pelajar telah mendapat pilihan untuk memohon tempat di IPTA-IPTA secara on-line. Dengan cara ini, tahap assessibiliti / laluan/saluran untuk memperolehi pendidikan tinggi telah meningkat. Usaha ini penting untuk membolehkan pelajar-pelajar memperolehi peluang yang luas untuk mendapat pendidikan tinggi sejajar dengan prinsip pendemokrasian pendidikan tinggi.

8. Di sektor swasta, saya gembira dengan Alliance Smart Card Technology yang telah mengambil inisiatif mewujudkan sistem on-line untuk membolehkan pelajar-pelajar mendapat tempat belajar mengikut kursus-kursus yang diminati mereka di IPTS-IPTS pilihan mereka. Usaha ini sudah pasti dapat melengkapi sistem UPU yang diwujudkan untuk membolehkan pelajar mendapat tempat hanya di IPTA. Tentunya melalui sistem on-line my-campus ini mampu meningkatkan lagi tahap assessibiliti / laluan/saluran ke IPTS dan sekali gus dapat meningkatkan bilangan pelajar-pelajar yang memperolehi pendidikan tinggi di negara ini.

9. Ini penting supaya pelajar-pelajar yang tidak mendapat tempat di IPTA tidak tercicir, tetapi mendapat alternatif kedua belajar di IPTS.

10. Di samping itu juga, kita tidak boleh menafikan bahawa ada IPTS-IPTS yang menawarkan kursus-kursus yang berkualiti dan relevan dengan kehendak pasaran yang diyakini boleh menarik minat pelajar-pelajar untuk mengikutinya.

11. Justeru, saya difahamkan My-Campus mensyaratkan supaya hanya kursus-kursus yang telah memperolehi Perakuan kelulusan dan akreditasi dari LAN sahaja

yang boleh ditawarkan. Ini kerana untuk memastikan kursus-kursus yang ditawarkan itu diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, di samping untuk menjamin pelajar-pelajar mendapat pembiayaan dari PTPTN.

12. Saya turut difahamkan, PTPTN sekarang memberi keutamaan pembiayaan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus yang mendapat Perakuan Akreditasi dari LAN di mana kursus-kursus tersebut diberi jaminan 100% dari segi kualitinya. Langkah ini nampaknya sangat penting dalam usaha kita menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan dirantau ini dan di peringkat global.

13. Jelasnya, kita tidak boleh berkompromi dari segi kualiti pendidikan yang di tawarkan sekiranya matlamat ini ingin dicapai. Tahniah dan Syabas diucapkan kepada Alliance Smart Card Technology yang berusaha ke arah ini untuk mendokong sama tanggungjawab merealisasikan misi menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan dirantau ini.

14. Saya suka mencadangkan agar Alliance Smart Card Technology agar mewujudkan rangkaian sistem My-Campusnya ke seluruh dunia khususnya kenegaraan negara jiran dan negara timur tengah untuk memudahkan pelajar-pelajar dari luar negara melayari sistem ini bagi membolehkan mereka belajar di IPTS-IPTS di negara ini. Saya yakin usaha-usaha ini seperti ini mampu menyumbang ke arah melipat gandakan lagi bilangan pelajar-pelajar asing belajar di negara ini dan sekali gus dapat merealisasikan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan dirantau ini.

15. Memandangkan sistem My-Campus ini banyak faedahnya dan secara terus membantu kerajaan dan Kementerian Pengajian Tinggi merealisasikan usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dirantau ini, saya ingin menyarankan supaya IPTS terlibat sama dalam sistem My-Campus on-line yang disediakan oleh Alliance Smart Card Technology ini.

16. Seterusnya, saya juga yakin IPTS-IPTS yang terlibat dengan sistem ini dapat meningkatkan lagi bilangan pelajar-pelajarnya kerana adanya satu lagi saluran untuk pelajar-pelajar mendapat tempat belajar di IPTS melalui pendaftaran sistem my-Campus on-line ini. Dengan peningkatan bilangan pelajar di IPTS masing-masing sudah pasti ianya akan meningkatkan lagi pendapatan untuk terus mampu berdaya maju dan berdaya saing. Pendek kata, kalau boleh kita tidak mahu lagi mendengar berita ada IPTS yang gulung tikar.

17. Akhirnya saya sekali lagi ingin mengucapkan Tahniah dan Syabas kepada Alliance Smart Card Technology dan juga Kumpulan Infomaya yang telah mencipta sejarah satu milestone dalam pembangunan pendidikan tinggi negara kerana berjaya mewujudkan sistem my-Campus on-line untuk melengkapi (complement) sistem UPU (IPTA) yang diuruskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Saya berharap pelajar-pelajar dapat melayarinya dan semua IPTS terlibat dengan sistem ini supaya tahap assessibiliti / laluan/saluran dalam pendidikan tinggi negara dipertingkatkan lagi.

18. Dengan harapan itu dan dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan pelancaran sistem my-campus ini.

Sekian, Terima kasih.